

Wujudkan jabatan jaga hal ehwal lelaki

» Perlu ada saluran khas tempat mangsa dera mengadu

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias dan Haryani Ngah
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) wajar dinaikkan taraf, dengan mewujudkan jabatan khusus supaya hak dan hal ehwal golongan lelaki yang menjadi mangsa deraan isteri turut dibela.

Pendekatan itu dilihat suatu keperluan kerana ketika ini belum ada saluran kepada golongan lelaki khususnya yang tertindas dan menjadi mangsa dera untuk mengadu.

Pakar perundangan yang juga pensyarah Kuliah Undang-Undang di Universiti Islam An-

tarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Madya Dr Shamrahayu Abdul Aziz, ketika mengemukakan saranan itu, berkata umum mengetahui tanggungjawab lelaki melebihi wanita sebagai ketua dan seumpamanya.

Beliau berkata, perhatian kerajaan di peringkat kementerian, dapat mengelakkan diskriminasi agama dan bangsa, kerana masalah penderaan mental dialami lelaki tidak terhad kepada mangsa beragama Islam sahaja.

Pendekatan perlu

“Pendekatan ini perlu bagi membentuk suami isteri sebagai sebuah pasukan yang boleh bekerjasama dengan baik, saling melengkapi tanpa wujud penindasan atau penderaan secara fizikal atau mental.

“Situasi semasa memerlukan penganiayaan bukan lagi isteri sebagai mangsa, sebaliknya golongan suami tidak terkecuali dalam kehidupan berumah tangga. Bagaimana lelaki mahu membela wanita lemah, sedangkan hak sendiri tidak terbelas,” katanya ke-

pada BH.

Beliau mengulas laporan BH berhubung kajian pakar sosial Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mendapati penderaan mental dan psikologi dialami suami menjadi punca kira-kira 23,800 kes perceraian pasangan Islam di seluruh negara pada tahun 2014.

Shamrahayu mengambil contoh antara punca keruntuhan rumah tangga pasangan Islam yang dikaitkan dengan amalan sihir, tetapi mangsa terpaksa dirujuk sebagai pesakit mental.

“Apabila ada jabatan yang khusus mengenai hal ehwal lelaki, ia boleh dirujuk kepada mereka. Hanya selepas itu, barulah undang-undang mengenai sihir boleh dibawa ke Parlimen bersama bukti, fakta dan asas empirikal yang kukuh,” katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Musa Awang, berkata golongan suami boleh memfailkan nusyuz terhadap isteri yang keluar dari rumah tanpa izin dan langsung tidak pulang selepas itu.

“Sekiranya isteri keluar ru-

mah tanpa keizinan untuk bercuti tetapi selepas itu kembali semula ke rumah, ia tidak dikira nusyuz tetapi kalau tidak pulang langsung, maka permohonan nusyuz di mahkamah syariah boleh difailkan,” katanya.

Rujuk kes pejabat agama

Musa berkata, pasangan yang berdepan masalah dalam perkahwinan perlu merujuk kes kepada pejabat agama supaya permasalahan yang timbul oleh diteliti pegawainya sebelum menentukan tindakan lanjut termasuk sesi kaunseling bagi mencari jalan penyelesaian untuk menyelamatkan rumah tangga mereka.

Katanya, bagi isteri yang gagal kembali selepas meninggal rumah tanpa kebenaran, suami boleh berjumpa mana-mana peguam syarie untuk menghantar notis kembali taat kepada isterinya sebagai ikhtiar awal agar mereka dapat kembali bersama sebagai sebuah keluarga.

“Peguam akan hantar kepada isteri notis memberi tempoh tertentu. Kalau selepas dua langkah diambil dan masih tak balik, suami boleh bawa kes ke mahkamah syariah untuk dapatkan perintah kembali taat.

“Jika dapat perintah itu (tetapi) isteri masih ingkar dan tidak balik juga, mahkamah akan sabitkan sebagai isteri yang nusyuz,” katanya.